



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

28 Julai 2021
18 Zulhijjah 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">Dulu tauke bot, kini pemancing
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			10	28/07/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Dulu tauke bot, kini pemancing

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@media.nusa.com.my

KUALA NERUS: Hilang pendapatan sekelip mata sebaik sahaja pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah mendorong penggiat pelancongan di Pulau Redang di sini beralih menjadi pemancing demi mencari nafkah menyara keluarga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha Aurora Boat Service, Azmi Awang, 34, berkata, kerjaya baharu itu terpaksa diceburi untuk meneruskan kelangsungan hidup selepas menanggung kerugian ribuan ringgit susulan penutupan sektor pelancongan negara.

Katanya, rata-rata penduduk di pulau peranginan ini kini hanya cukup-cukup makan dan bergantung harap kepada hasil laut di samping mengambil upah membaiki rumah serta bercucuk tanam.

"Kegiatan ekonomi masyarakat di Kampung Baru Pulau Redang sebelum PKP tertumpu sepenuhnya kepada aktiviti pelancongan dan selain hilang pendapatan, kami juga rugi besar kerana duit sudah banyak dilabur untuk

persediaan pembukaan pulau pada Mac lalu.

"Kehidupan kini ibarat kais pagi makan pagi, malah terpaksa ikat perut kerana pendapatan memancing tidak menentu antara RM50 ke RM100 sehari, tetapi sudah memadai untuk belanja harian keluarga," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Azmi, kos hidup di pulau tinggi dan kebanyakan barangan dijual berganda berbanding di daratan kerana peniaga mengambil kira soal jarak dan pengangkutan.

Dia yang turut memiliki kedai cendera mata berkata, lebih RM15,000 wang simpanannya habis bagi memulakan perniagaan tahun ini termasuk menambah stok barangan di premis selain kos penyelenggaraan bot dan peralatan snorkel.

Katanya, walaupun sempat beroperasi sebulan pada Mac lalu, namun pulangannya tidak memberangsangkan sekali gus memusnahkan segala perancangan diatur.

"Sepanjang tiga tahun mengusahakan perkhidmatan bot untuk aktiviti snorkel, saya boleh meraih pendapatan kira-kira RM10,000 dalam tempoh

tujuh bulan beroperasi dari Mac hingga September.

"Tahun lalu, jumlah pelancong ke Pulau Redang meningkat luar biasa hingga hasil jualan mencecah RM7,000 dari Jun hingga September, tetapi kalau perniagaan berlarutan ditutup, mungkin saya dan kawan-kawan boleh gulung tikar," katanya.

AZMI Awang terpaksa menjadi pemancing untuk menyara kehidupan keluarga berikutan sektor pelancongan ditutup ketika ditemui di Pulau Redang, Kuala Nerus, baru-baru ini. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

